

Bina insan berkualiti

IPTA, IPTS disaran terbabit dalam program lonjak potensi kanak-kanak

>>Oleh Mohd Amin Jalil

am@hmetro.com.my

NILAI: Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) disarankan keluar daripada kepompong akademik dengan terbabit dalam pelbagai program terutama pembinaan potensi diri modal insan kanak-kanak.

Tindakan itu penting dalam membantu kerajaan mengubah taraf hidup kanak-kanak, malah turut diyakini mampu merealisasikan kelompok generasi muda berkualiti bagi kepentingan serta masa depan negara.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata beberapa institusi pengajian tinggi di luar negara mengambil langkah tidak membataskan peranan dan fungsinya, sebaliknya keluar daripada kepompong dengan menyertai beberapa program potensi kanak-kanak ke arah membina generasi masa depan.

Beliau berkata, antara uni-

versiti luar negara yang melaksanakan program itu ialah Universiti John Hopkins di Amerika Syarikat yang terbabit secara langsung dengan program Kem Musim Panas (Summer Camp) untuk kanak-kanak pintar dan berbakat.

“Selain itu, Universiti Nasional Singapura menubuhkan Sekolah Tinggi Matematik dan Sains bagi menguruskan kanak-kanak pintar dan cemerlang dalam bidang matematik serta sains bagi melahirkan modal insan untuk mengekalkan keunggulan Singapura dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

“Di negara kini, setakat ini hanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengambil inisiatif melalui program perkhemahan cuti sekolah atau Program Permata Pintar yang disasarkan khusus untuk pelajar berusia sembilan hingga 15 tahun yang mempunyai kecerdasan serta daya intelek tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian



MESRA...Rosmah beramah mesra dengan peserta Kem Harapan Sapura di USIM, semalam.

ketika berucap pada majlis perasmian Program Kem Harapan Sapura di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dekat sini, semalam.

Turut hadir, isteri Menteri Besar Negeri Sembilan, Raja Datin Seri Salbi Tengku Nujumudin; Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin dan isteri kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura, Datin Yazreen Yahya.

Pada majlis itu, beliau turut menerima sumbangan penaajaan daripada beberapa pihak bagi penganjuran Kem Harapan.

Kem Harapan Sapura diadakan selama tiga hari bermula kelmarin, membabitkan seramai 370 pelajar miskin dan anak yatim dari Negeri Sembilan dan Selangor dengan pengisian program membabitkan pembangunan sahsiah dan jati diri.

Rosmah yang juga Penaung

Kehormat Yayasan Harapan Kanak-Kanak Malaysia (YHKM) mahu USIM dan IPTA/S lain mewujudkan kerjasama strategik bersama YHKM untuk merintis satu usaha baru yang menyaksikan percantuman sinergi modal insan.

Menurutnya, program khas itu dijangka dapat membantu mentransformasi tahap kecemerlangan akademik, akhlak dan kehidupan kanak-kanak.